

Kosmo  
28/9/2015  
m/s 3

Jadual penerbangan di KLIA, KLIA2 beroperasi seperti biasa

# 8 penerbangan batal jerebu tebal

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak lapan jadual penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) terpaksa dibatalkan ekoran jerebu teruk yang kembali melanda negara semalam.

Jurucakap Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) berkata, penerbangan tersebut dibatalkan berikutan jarak penglihatan kurang daripada 800 meter di lapangan terbang berkenaan.

"Pembatalan operasi penerbangan tersebut membabitkan empat sektor pelepasan iaitu Kuching-Pulau Pinang, Kuching-Sibu, Kuching-Bintulu dan Kuching-Miri.

"Empat penerbangan bagi sektor ketibaan turut dibatalkan iaitu membabitkan Pulau Pinang-Kuching, Sibu-Kuching, Bintulu-Kuching dan Miri-Kuching," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

“Pembatalan operasi penerbangan tersebut membabitkan empat sektor pelepasan iaitu Kuching-Pulau Pinang, Kuching-Sibu, Kuching-Bintulu dan Kuching-Miri

**MAHB**

Dalam pada itu, Pengurus Kanan LTAK, sebuah pesawat iaitu MH2542 yang membawa 65 penumpang dari Kuala Lumpur ke Kuching juga terpaksa dilencong ke Lapangan Terbang Sibu kerana tidak dapat mendarat di LTAK aki-



SEBAHAGIAN daripada penumpang melihat keadaan jerebu teruk di LTAK semalam.



LAPAN penerbangan di LTAK terpaksa dibatalkan akibat ketampakan rendah di lapangan terbang semalam.

bat jerebu.

Dalam pada itu, tambah jurucakap MAHB, operasi penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 berjalan seperti yang dijadualkan biarpun keadaan jerebu dicatatkan di

beberapa kawasan di Selangor.

Katanya, tiada penerbangan di kedua-dua lapangan terbang itu yang dibatalkan atau dilencongkan.

Kelmarin beberapa jadual penerbangan turut ditangguhkan ekoran penutupan semen-

tara Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang sekitar 4.30 petang akibat ketampakan rendah.

LTSAAS dibuka semula untuk beroperasi seperti biasa pada pukul 7.30 petang kelmarin.